

## Malaysia kekal anggotai kerusi CMAG

BH-26/11/2007

**M**alaysia sekali lagi dipilih menganggotai Kumpulan Tindakan Menteri Komanwel Mengenai Perisytiharan Harare (CMAG), menjadikannya antara negara anggota Komanwel paling lama dalam sayap politik pertubuhan 53 negara anggota itu.

Pemilihan itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang berakhir di sini semalam.

"Pemilihan Malaysia bersama beberapa negara anggota lain adalah bagi tempoh 2007-2009," katanya kepada wartawan Malaysia.

CMAG ditubuhkan ketika mesyuarat CHOGM, Auckland pada 1995, antara lain bagi menyiasat, bertindak dan membuat syor seperti penggantungan atau pemecatan negara anggota Komanwel yang melanggar Prinsip Harare seperti gagal mematuhi amalan demokrasi atau mencabuli hak asasi manusia.

Abdullah juga mengucapkan tahniah kepada Kamallesh Sharma, diplomat berusia 66 tahun yang dipilih menggantikan Menteri Luar New Zealand, Don McKinnon sebagai Setiausaha Agung Komanwel baru.

Diplomat yang akan memegang jawatan itu pada 1 April, 2008 adalah setiausaha agung pertama dari negara Komanwel Asia dalam tempoh lebih 40 tahun.

Sementara itu, Abdullah berkata Sri Lanka mahu memperluaskan pelaburan dan perdagangan dengan Malaysia dalam usaha meningkatkan hubungan dua hala.

Beliau berkata, hasrat itu dinyatakan Presiden Sri Lanka Mahinda Rajapaksa dalam pertemuan mereka di luar mesyuarat CHOGM.

Sementara itu Abdullah percaya hubungan Malaysia-Australia yang kini baik mungkin bertambah baik dengan kerajaan baru pimpinan Kevin Rudd yang memenangi pilihan raya umum negara itu, kelmarin.

Perdana Menteri berkata, semuanya bergantung kepada dasar yang akan dilaksanakan Parti Buruh pimpinan Kevin Rudd, bekas diplomat yang menamatkan pemerintahannya 11 tahun kerajaan konservatif diketuai John Howard.

"Saya mengucapkan tahniah kepada Rudd dan percaya hubungan dua hala dua negara dapat ditingkatkan," katanya.

Kemenangan Rudd, 51, bekas diplomat yang fasih berbahasa Mandarin memberi tamparan hebat dan penamat karier memalukan bagi Howard, 68, yang juga sekutu rapat Presiden Amerika Syarikat, George W Bush.

Abdullah yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, apa yang diketahui ialah dasar luar yang dicadangkan Rudd amat berbeza dengan Howard termasuk mengenai kehadiran askar Australia di Iraq dan isu perubahan iklim dunia.